

Headline **Cegah HIV kera**  
Date **09 May 2011**  
MediaTitle **Berita Harian**  
Section **Nasional**  
Journalist **N/A**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**  
Page No **10**  
Article Size **382 cm<sup>2</sup>**  
Color **Full Color**  
ADValue **16,829**  
PRValue **50,487**



# Cegah HIV kera

## Pindah haiwan ke habitat asal

Abdul Razak Raaff dan Rosli

Abdul Jalil

**K**UANTAN: Kementerian Kesihatan akan mengadakan program intervensi dan pencegahan secara besar-besaran jika terbukti kera menyebarkan jangkitan penyakit termasuk denggi, malaria dan tibi kepada manusia.

Antara langkah itu termasuk mengadakan operasi menangkap dan memindahkan kera ke habitat asal, seperti yang dilakukan ketika menangani wabak selesema burung di negara ini yang berpunca daripada ayam pada tahun 2006.

Menterinya, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata kementerian setakat ini tidak menerima sebarang laporan mengenai perkara itu tetapi pihaknya sentiasa melakukan pemantauan menerusi program kawalan penyakit berjangkit dengan kerjasama Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan pihak berkuasa tempatan (PBT).

"Saya minta orang ramai mengelak daripada mendekati dan bersentuhan dengan haiwan ini termasuk memberi makan atau membelai kerana kita tidak tahu ia ada membawa penyakit berjangkit.

"Kita perlu lebih berhati-hati dan berwaspada, sebaik-baiknya untuk melihat kera lebih baik ke zoo kerana lebih selamat bukan di kawasan terbuka yang terdedah dengan pelbagai risiko," katanya pada sidang media selepas melawat Klinik Kesihatan Kuantan, di Bukit Sekilau, di sini, semalam.

Beliau mengulas mengenai laporan *Berita Minggu*, semalam mengenai ancaman penyakit HIV, malaria dan tibi yang boleh dijangkiti manusia.

Kajian Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM) dan PERHILITAN ke atas lebih 2,000 kera yang ditangkap sekitar bandar seluruh negara mendapati 80 peratus daripadanya menghidap penyakit berbahaya

itu.

Sementara itu, Pengarah PERHILITAN Pahang, Khairiah Mohd Shariff, berkata pihaknya sudah mengenalpasti kawasan ancaman kera dan monyet di negeri ini dan dibahagikan mengikut pembahagian zon, iaitu zon serius, kurang serius dan tidak serius.

Katanya, pembahagian itu berdasarkan bilangan dan ancamannya kepada ketenteraman penduduk di sesuatu tempat.



● AHMAD IRHAM MOHD NOOR | BERITA HARIAN

**TINDAKAN** orang ramai memberi makan kepada monyet boleh menyebabkan mereka dijangkiti penyakit berbahaya.